

DATE: 26/7 / 2008

# Universiti perlu tingkat R&D: PM

BH - 26/7/2008

## Kerajaan sedia bantu kajian ahli akademik

Oleh Abdul Razak Raaff  
bhnews@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua universiti terus meningkatkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menghasilkan lebih ramai kumpulan cendekiawan yang dapat membantu kerajaan meneruskan Misi Nasional.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan sentiasa membantu menerusi pelbagai bantuan dan peruntukan kepada ahli akademik untuk mengembang dan menumpukan perhatian terhadap kemajuan R&D di negara ini.

“Kerajaan akan terus bantu... kita juga sediakan peruntukan besar bajet untuk bidang pendidikan tinggi dan pelajaran kerana ia adalah pelaburan paling berguna dan bernilai untuk pembangunan modal insan dan

**“***Jika nak bantuan beritahu... saya seboleh-bolehnya akan bantu bagi memastikan anak kita terus berjaya...”*

**Abdullah Ahmad  
Badawi**  
Perdana Menteri

kemajuan negara.

“Jika nak bantuan beritahu... saya seboleh-bolehnya akan bantu bagi memastikan anak kita terus berjaya. Oleh itu, saya harap pihak universiti dapat memberi tumpuan dan tingkatkan bidang R&D.

“Kita mahu biarlah lebih ramai pakar penyelidik dan golongan cerdik pandai membantu memaju dan membangunkan negara,” katanya berucap pada majlis penyampaian Anugerah Akademik Negara 2007, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri



**JASA DIHARGAI:** Abdullah berjabat dengan Syed Jalaludin sambil diperhatikan Mohd Khaled pada majlis penyampaian Anugerah Akademik Negara 2007, di PICC, Putrajaya, semalam.

Mohd Khaled Nordin dan Timbalannya, Datuk Idris Haron serta Datuk Hou Kok Chung.

Anugerah Tokoh Akademik Negara dimenangi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Emeritus Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal pula dimena-

ngi, Prof Dr Onn Hashim dari Universiti Malaya; Anugerah Penerbitan Buku diterima Prof Madya Dr Nordin Husin (Universiti Kebangsaan Malaysia); Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk oleh Prof Madya Dr Syed Omar Syed Rastan (UPM); dan Anugerah Seni dan Kreativiti oleh Prof Madya Zulkifli Yusoff (Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Semua penerima anugerah itu menerima wang tunai, trofi, sijil dan cenderamata.

Sementara itu, Mohd Khaled dalam ucapannya berkata, pihaknya akan membentangkan laporan kemajuan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi tempoh 10 bulan pertama sejak dilancarkan Ogos tahun lalu kepada Kabinet, minggu depan.